

PEOPLE.PASSION.POSS
THIS IS I


TOP 5 INTERNATIONAL OIL SOLUTIONS PROVIDERS

[LEARN MORE >](#)

Erti kemenangan rakyat bertamadun

Saodah Abd. Rahman





UMAT Islam sepatutnya memahami bahawa kemenangan bukan satu kebanggaan tetapi dugaan daripada Allah. GAMBAR HIASAN/ AFP

12 Mei 2018 12:00 PM



MASYARAKAT Islam dalam negara ini sepatutnya memahami bahawa perbezaan parti politik tidak menjelaskan hubungan persaudaraan sesama Islam. Kemenangan dalam pilihan raya adalah salah satu cara untuk membentuk kerajaan yang boleh memperkuatkan ekonomi dan sosial dalam negara.

Ia bukan simbol kepada kehebatan diri sehingga bertindak di luar batasan dan etika dalam arena politik. Kemenangan yang dicapai adalah mandat daripada rakyat kepada parti politik tersebut supaya melaksanakan tugas sebaik mungkin untuk kepentingan masyarakat, agama dan negara.

Tindak balas terhadap pemimpin parti lawan yang tewas dalam pilihan raya secara radikal tidak sepatutnya berlaku dalam negara ini kerana sikap begini adalah jati diri masyarakat yang tidak bertamadun.

Ini satu fenomena yang berlaku dalam negara yang dikuasai oleh sistem pemerintahan kuku besi yang berorientasikan ideologi komunis dan sosialis.

Masyarakat Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan bertamadun tidak akan bertindak kejam ke atas ahli politik yang tewas dalam pilihan raya. Kesalahan dan kelemahan pemimpin parti tersebut hanya dapat dibuktikan melalui sistem perundangan negara.

Kemenangan yang dicapai menunjukkan bahawa rakyat menyakini bahawa parti tersebut mempunyai keupayaan dan kebijaksanaan dalam mengendalikan urusan kemasyarakatan dan kenegaraan.

Harapan rakyat yang terlalu tinggi kepada parti politik itu perlu direalisasikan dalam tempoh lima tahun ketika mengendalikan amanah rakyat.

Sebagai parti politik yang berwibawa dan mengamalkan konsep kemanusiaan dan keamanan kesilapan dan kelemahan parti lawan dan kegagalan mereka mengekalkan kuasa tidak sepatutnya dijadikan isu yang dibicarakan begitu lama sehingga bertahun lamanya kerana boleh memutuskan hubungan silaturahim sesama umat Islam dan menghapuskan konsep berpolitik dalam Islam.

Di dalam Islam pemimpin politik yang cuai dan gagal melaksanakan tugas masyarakat dan negara perlu disingkirkan oleh rakyat dan diganti dengan parti politik yang mampu untuk memimpin negara. Jika mereka sudah tidak berkuasa maka tindakan terhadap mereka perlu diadili melalui mahkamah dan tohmahan serta kutukan perlu dihentikan supaya maruah dan harga diri mereka tidak dicemari.

Umat Islam sepatutnya memahami bahawa kemenangan bukan satu kebanggaan tetapi dugaan daripada Allah SWT.

Gemilang atau jatuhnya sesuatu kerajaan itu adalah bergantung kepada bagaimana kerajaan tersebut mengendalikan urusan negara dan masyarakat. Apabila kuasa berada di tangan rakyat maka setiap pemimpin dan pemerintah serta parti politik perlu akur bahawa tempoh pemerintahan mereka tidak akan berkekalan begitu lama jika sistem pemerintahan dan pentadbiran negara membelakangi keperluan asas kehidupan rakyat.

Bermuhasabah dan memperbaiki diri adalah senjata utama untuk meyakinkan rakyat terhadap keupayaan diri dalam menerajui negara dan masyarakat. Konsep dan prinsip perjuangan politik perlu berasaskan kepada perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

Pemilihan ahli Kabinet untuk menerajui sesuatu jabatan perlu berdasarkan kepada kepakaran, kebijaksanaan dan ketelusan kerana mereka ialah orang yang meluluskan sebarang perancangan yang dikemukakan oleh pembuat dasar atau perancangan kerajaan untuk masyarakat dan negara.

Kurang kepakaran pemimpin, pembuat dasar negara dan penasihat kerajaan adalah punca utama kerajaan gagal menguruskan urusan negara dan masyarakat.

Tambahan pula corak pentadbiran dan pemerintahan adalah berdasarkan kepada kronisme dan favoritisme yang mana hanya sebilangan kecil sahaja daripada masyarakat dapat menikmatinya.

Kurangnya pemantauan terhadap sikap dan tingkah laku pemimpin politik dan pegawai yang diamanahkan oleh kerajaan mengendalikan urusan rakyat di

kawasan mereka adalah punca utama yang boleh menyebabkan salah guna kuasa berleluasa dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan negara.

Kesemuanya ini membangkitkan kemarahan dan kebencian rakyat terhadap kerajaan yang memerintah negara.

Sikap terlalu ghairah dengan kuasa dan mengetepikan nasihat daripada bekas pemimpin negara yang berpengalaman dan berjasa bukan sahaja boleh menyebabkan kesilapan dalam sistem pemerintahan semakin bertambah dan menjadi lemah malah ia juga boleh membangkitkan kebencian rakyat terhadap kepimpinan negara kerana Malaysia adalah sebuah negara yang dihuni oleh ramai masyarakat yang berpendidikan, berakhhlak, dan menganuti agama dan tradisi menghormati orang tua yang berjasa.

Perlu diingatkan, mencengkam rakyat dengan pelbagai perundungan yang tidak memberi kuasa untuk bersuara adalah amalan yang paling popular bagi negara Islam yang diperintah oleh rejim terutamanya di negara-negara Arab dan miskin.

Sistem pemerintahan yang berunsurkan konsep pemerintahan rejim tidak sesuai diamalkan oleh Malaysia.

Konteks dan struktur rakyat dalam negara ini tidak sama dengan masyarakat negara Islam lain kerana sistem pembentukan negara Malaysia selepas kemerdekaan mengutamakan pendidikan kepada kesemua penduduk Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.

Corak pemikiran masyarakat Malaysia lebih mengutamakan konsep kehidupan aman, hormat menghormati antara satu sama lain dan bekerjasama untuk membangunkan negara dan masyarakat.

Berdasarkan kepada penjelasan berikut maka parti-parti politik dalam negara ini perlu bermuhasabah dan memperbaiki diri supaya kesilapan dan kelemahan mereka dijadikan pengajaran.

Bagi parti politik yang memperoleh kejayaan dalam pilihan raya buktikanlah kepada rakyat bahawa mereka adalah parti yang berwibawa dan terbaik melaksanakan amanah rakyat untuk mentadbir dan memimpin negara.

PROFESOR MADYA DR. SAODAH ABD. RAHMAN dari Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Tag Berkaitan

Islam

Pendapat

What is your reaction?

Powered by Vuukle



gembira 0%



tak kisah 0%



terhibur 0%




teruja 0%



marah 0%



sedih 0%



Kolesterol hilang

 Seorang wanita temui cara untuk mengatasi paras kolesterol yang tinggi lihat bagaimana

>

0 comments

Recommend 0

Write a comment

Name

Email

I agree with Vuukle's [Privacy Policy](#)[Sign in](#)

Be the first to comment

 [Add Vuukle to your site](#) [Privacy](#)

ARTIKEL BERKAITAN



Kembalikan rancangan Syamsul Debat

Albayan

Dilema solat dua imam di hentian R&R
Mohd. Radzi Mohd. Zin

Mudahkan lafaz nikah

Cakna

Jihad baharu sekolah tahfiz

Cepatnya masa berlalu

Albayan

Haramkan bukan Islam perguna al-Quran

Taboola Feed

How close are we to a zero-carbon future?

CNBC International for MHI | Sponsored

A cross-border collaboration taking center stage at the Olympics

CNN International for Japan Airlines | Sponsored

Flights In Malaysia At Ridiculously Low Prices

Save70 | Sponsored

These Twins Were Named "Most Beautiful In The World," Wait Till You See Them Today

Give It Love | Sponsored

23 gambar hebat tempat terbaik

Dobuhdo.com | Sponsored

Top 20 magnificent eyes from around the world

WoJournals | Sponsored

This Cheap Drone Is A Sensation In Malaysia

DroneX Pro | Sponsored

Military Watch Everybody in Malaysia is Talking About

Tact Watch | Sponsored

Mengapa mahu tumpar saya - Najib

Utusan Online

Baru rasa ada 'suami'

Utusan Online

Top 10 Most Comfortable & Luxurious Airports In the World

Shlop Reviews & Deals | Sponsored

11 Foods To Never Eat With Arthritis

Relocation Target | Sponsored

Military Smartwatch That Is Going Viral in Malaysia

Tech Discount Finder | Sponsored



<u>Berita</u>	<u>Rencana</u>	<u>Wilayah</u>	<u>Hiburan</u>	<u>Sukan</u>	<u>Bisnes</u>	<u>Pendidikan</u>
Terkini	Utama	Johor	Berita	Bola Sepak	Ekonomi	Umum
Berita	Bisik-bisik	Kedah	Selebriti	Badminton	Korporat	Sekolah
Utama	Cuit	Kelantan	Muzik	Lumba	Usahawan	Kampus
Utusan Live	Selak	KL &	Filem &	Kereta	Automotif	Sastraa
Nasional	Kolumnis	Putrajaya	Drama	Lumba	Hartanah	Agama
Politik	Forum	Melaka	Rancangan	Motorsikal	Teknologi	
Parlimen	Agama	Negeri	TV	Basikal	Saham &	<u>Sains & Teknologi</u>
Jenayah	Blog	Sembilan	Seni &	Golf	Wang	
Mahkamah	Sukan	Pahang	Budaya	Hoki		Sains
		Perak		Iain-Lain		Teknologi
Luar		Perlis	<u>Gaya Hidup</u>	Rencana		Inovasi
Negara		Pulau		Sukan		Gedjet
Asean		Pinang	Rekreasi			Pertanian
		Sabah	Permotoran			Alam
		Sarawak	Pelancongan			Sekitar
		Selangor	Keluarga			
		Terengganu	Kesihatan	<u>Video</u>		
			Fesyen	Terkini		
				Isu Semasa		
				Bisnes		
				Pemotoran		
				Gaya Hidup		
				Hiburan		
				Agama		
				Politik		

Kumpulan Utusan

Kumpulan Utusan | Kosmo! | Tutor | Saji Online | disini.my | MyBooks | Siber Media | Utusan Karya

Jom Iklan | Mengenai Kami | Terma & Syarat Policy

WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2018 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.

